

Kejayaan Skuad Skuasy Wanita, Chong Wei Contoh Budaya Kecemerlangan 1Malaysia - Najib

Bernama

Jun 16, 2014

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengucapkan tahniah kepada skuad wanita negara serta Datuk Lee Chong Wei yang menjuarai Kejohanan Skuasy Berpasukan Asia ke-17 dan Kejohanan Badminton Siri Super Terbuka Jepun, semalam.

Melahirkan penghargaan terhadap semangat yang dipamer kesemua atlet terbabit, Perdana Menteri berkata kejayaan skuad wanita berkenaan dan Chong Wei adalah contoh budaya kecemerlangan 1Malaysia.

"Syabas kepada Datuk Lee Chong Wei kerana memperkukuh kedudukan beliau sebagai pemain nombor satu dunia dengan menjulang kejuaraan buat kali kelima dalam Terbuka Jepun.

"Dalam sukan skuasy, pasukan kita yang terdiri daripada Datuk Nicole David dan Low Wee Wern membanggakan Malaysia dengan merangkul kejuaraan kali kelapan pada Kejohanan Skuasy Berpasukan Asia ke-17," katanya dalam status Facebook terbaharu beliau.

Selain budaya kecemerlangan, konsep 1Malaysia mengandungi tujuh nilai lain iaitu ketabahan, penerimaan, pendidikan, integriti, meritokrasi, rendah hati dan kesetiaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1046788>